

Siswa UPM
bersama-sama
etnik Penan.



Bintulu: Seramai 30 pelajar Kolej Ke-10 Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang mengikuti Program Kembara Kebajikan Putra bagi mem-

bantu pelajar sekolah etnik Penan, Sarawak.

Program di Kampung Penan Muslim, Batu 10 itu menjalankan aktiviti sesi

pemantapan dua mata pelajaran iaitu Matematik dan Bahasa Inggeris membabitkan 47 murid Tahun Enam, Sekolah Kebangsaan Sungai

Siswa UPM bantu etnik Penan

Tisang yang bakal mendudu-ki Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR).

Pengarah Program, Muhamad Syafiq Osman, 20, berkata program yang berkonsep beramal sambil mentransformasi budaya ialah sebahagian daripada tanggungjawab sosial untuk membantu komuniti di kampung itu kerana segelintir mereka ketinggalan dalam pelajaran.

Katanya, program itu juga memberi peluang peserta mempelajari keunikan Etnik Penan yang masih utuh mengamalkan adat dan budaya mereka.

“Selain beramal sambil meneroka dan bertukar budaya, kami juga banyak menimba pengalaman dan belajar ilmu baru di sini seperti kepentingan kerja berpasukan yang ditunjukkan oleh etnik Penan serta adat budaya perlu dikekalkan sebagai jati diri dalam hidup,” katanya.

Program selama lapan hari itu turut mendapat sokongan Pengurusan Kolej 10 UPM, Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM, UPM Kampus Bintulu, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Kementerian Pembangunan Sosial (KPS) Sarawak dan 1Malaysia

For Youth (1M4U).

Kaedah pengajaran

Pelajar UPM mengajar kedu-dua mata pelajaran itu menggunakan kaedah latihan di dalam kumpulan (LDK) berkesan untuk memastikan semua murid membabitkan diri dalam sesi pemantapan berkenaan supaya mudah mengesan pelajar lemah.

Terdapat dua LDK dijalankan bagi sesi Bahasa Inggeris iaitu ‘Simple Sentences’ dan ‘Improve Dialogue’ iaitu aktiviti berbentuk permainan mencabar dari segi kemahiran membina ayat dan bertutur dalam Bahasa

Inggeris bagi setiap murid.

Bagi sesi Matematik, mereka diajar mengikut suka-tan pelajaran UPSR, namun dengan pendekatan lebih menyeronokkan, antaranya menghafal sifir dengan cara mudah dan teknik menyelesaikan masalah matematik membabitkan situasi dengan hanya memilih kata kunci.

Selain mengajar pelajar di situ, pelajar UPM turut menjalani aktiviti lain seperti ‘Eksplorasi Diri dan Alam’ dengan meneroka Gua Niah, membaiki jambatan usang di kampung, Sambutan Maulidur Rasul, melawat dan meneroka misteri Batu Rasak.

Belajar budaya Penan

Semua aktiviti dijalankan bersama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan sebahagian penduduk kampung sendiri.

Pelajar UPM juga berke-sempatan bertukar budaya bersama-sama penduduk kampung apabila mereka tinggal bersama dengan 12 keluarga angkat yang mempunyai berlainan gaya hidup dan adat.

Peserta Program, Mohd Helmi Hazlan, 24, berkata terdapat banyak perbezaan adat seperti dilarang keluar rumah jika makanan tidak dihabiskan dan menjaga tutur kata ketika melawat Batu Rasak kerana bimbang malapetaka akan melan-

da kampung.

Ketua Kaum Kampung Peñan Muslim Batu 10, Raini Piee, 54, berpendapat program itu dapat memberi kesedaran masyarakat etnik Penan untuk terus menimba ilmu.

“Uniknya, pelajar UPM membiasakan diri dengan mudah kerana mereka sudah menjadi seperti etnik Penan sendiri kerana tidak kekok untuk bergaul dan membu-dayakan diri dengan budaya etnik selama berada di kampung ini.

“Bagi keluarga angkat, masing-masing tidak mahu melepaskan pelajar UPM untuk pulang ke semenanjung, jadi program seperti ini perlu diperbanyakkan lagi,” katanya.